



PORTAL MALAYSIABIZ SABAH DILANCAR

Kota Kinabalu, 25 Julai 2017- MalaysiaBiz Portal Sabah yang dibangunkan oleh MAMPU dilancarkan hari ini bagi memudahkan proses pendaftaran dan pelesenan perniagaan di bawah 67 pihak berkuasa di Sabah. Dengan pelancaran ini, MalaysiaBiz Portal yang dibangunkan melalui Inisiatif Program Berimpak Tinggi 1 (*High Impact Programme*, HIP 1) di bawah Pelan Induk PKS 2012-2020 oleh SME Corporation Malaysia mula diperluaskan pengaplikasiannya di Sabah. Perasmian MalaysiaBiz Portal Sabah telah disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Datuk Joseph Entulu Anak Belaun di Kompleks Pentadbiran Kerajaan Negeri Sabah.

Antara keistimewaan utama Portal MalaysiaBiz ialah ianya memaparkan informasi pelesenan secara horizontal merentasi pelbagai Pihak Berkuasa Melesen (PBM) yang meliputi 1,174 aktiviti perniagaan dalam pelbagai bidang ekonomi berdasarkan Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia atau *Malaysia Standard Industrial Classification* (MSIC) 2008 yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

“Portal ini boleh diakses oleh komuniti perniagaan di negeri-negeri Semenanjung Malaysia sejak Jun 2016. Pihak MAMPU, Jabatan Perdana Menteri telah bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Sabah serta pihak berkuasa negeri bagi membolehkan portal ini turut dimanfaatkan oleh komuniti perniagaan di negeri Sabah. Hasilnya, mulai bulan Mei 2017, informasi pendaftaran dan pelesenan perniagaan di Portal MalaysiaBiz bagi 67 pihak berkuasa di negeri Sabah telah berjaya disediakan,” tambah Joseph.

Selain itu, MalaysiaBiz Portal Sabah ini turut diperluaskan kepada penyediaan perkhidmatan permohonan pendaftaran

dan pelesenan perniagaan dalam talian yang dapat dilaksanakan secara serentak melalui satu gerbang perkhidmatan sahaja. Ini sekaligus akan mempercepat lagi proses memulakan perniagaan dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi setempat terutamanya di Sabah yang taburan PKSnya merangkumi 6.2% daripada jumlah keseluruhan pertumbuhan PKS di Malaysia.

Turut hadir ke Majlis Pelancaran MalaysiaBiz Portal Sabah ini adalah YB Datuk Seri Panglima Raymond Tan Shu Kiah, Menteri Pembangunan Perindustrian Negeri Sabah, YBhg. Dato' Sri Zainal Rahim bin Seman, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, YBhg. Dato' Dr. Mazlan Yusoff, Ketua Pengarah MAMPU, YB Tan Sri Datuk Sri Panglima Sukarti bin Wakiman Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah, YBhg. Datuk Nor Rizan bin Mohd Thani, Setiausaha Persekutuan Sabah, En Rizal Nainy, Timbalan Ketua Eksekutif SME Corp. Malaysia, YBhg. Dato' Mohd. Razali bin Hussain, Ketua Pengarah Perbadanan Produktiviti Malaysia dan YBhg. Datuk Haji Hashim bin Paijan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Perindustrian Sabah. Di majlis yang sama, Joseph turut menyampaikan sijil pelantikan kepada 129 Rakan Informasi Lesen (RIL) daripada 67 pihak berkuasa negeri Sabah.

-TAMAT-

Untuk maklumat lanjut sila hubungi :

- i.. Cik Nur Haneem Binti Mohamad Ali
Bahagian Perancangan dan Komunikasi Korporat
Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia
(MAMPU),
Jabatan Perdana Menteri
Tel : 03-88723138
Fax : 03-88883566
Email : pro@mampu.gov.my

- ii. En Ahmad Mu'izz Mohd Yusof
Bahagian Komunikasi Strategik
SME Corp. Malaysia
Tel : 603 2775 6275
Fax: 603 2775 6315
Email:muizyusof@smecorp.gov.

MAMPU

MAMPU telah ditubuhkan hasil daripada Laporan 'Development Administration in Malaysia' oleh Prof. John D. Montgomery dan Milton J. Esman dan atas cadangan laporan yang sama, maka pada tahun 1966, Unit Pentadbiran Pembangunan (DAU) ditubuhkan bagi mengembangkan usaha-usaha pembaharuan pentadbiran Kerajaan. DAU kemudiannya dikembangkan menjadi ICDAU yang berfungsi untuk menyelaras projek-projek pembangunan serta perancangan tenaga manusia. Selaras dengan perkembangan pentadbiran awam yang pesat lagi dinamik, ICDAU kemudiannya telah disusun semula pada tahun 1977. Pada tahun 1986, fungsi perancangan tenaga manusia telah dipindahkan kepada beberapa agensi lain bagi membolehkannya memberi tumpuan kepada pemodenan tadbiran dan perundingan pengurusan Sektor Awam. Sejak itu, ICDAU dikenali sebagai Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

SME Corp. Malaysia

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat yang menggubal dasar umum dan strategi PKS serta menyelaras pelaksanaan Program Pembangunan PKS anjuran semua Kementerian dan Agensi yang berkaitan. Ia bertindak sebagai pusat rujukan setempat bagi penyelidikan dan penyebaran data PKS serta sebagai pusat perhubungan untuk maklumat dan menyediakan khidmat nasihat untuk PKS di Malaysia. SME Corp. Malaysia turut memainkan peranan sebagai Sekretariat kepada Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia.